

U B850 AAB
MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

=====

KUALA LUMPUR, 4 FEB (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK AKAN BERSIMPATI DENGAN PENGARAH DAN PENGURUS SYARIKAT YANG DIKENAKAN TINDAKAN TERTENTU AKIBAT PECAH AMANAH SEMASA MENJALANKAN KEWAJIPAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KATANYA, KERAJAAN MAHU MEMBERSIHKAN MASYARAKAT PENIAGA DARIPADA ORANG-ORANG YANG TIDAK BERAMANAH DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENJALANKAN PERNIAGAAN MASING-MASING DENGAN MUDAH.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU MENYARANKAN MASYARAKAT PENIAGA MENGGUBAL ETIKA PENGURUSAN MEREKA SENDIRI BAGI MEWUJUDKAN GOLONGAN PENIAGA YANG LURUS LAGI BERTANGGUNGJAWAB.

+SALAH SATU CARANYA IALAH DENGAN MENUBUHKAN BADAN-BADAN EKSKLUSIF YANG HANYA BOLEH DIANGGOTAI OLEH PENIAGA YANG JUJUR+, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PENGHARGAAN EDARAN OTOMOBIL NASIONAL (EON) DI SINI.

MENURUTNYA, BADAN EKSKLUSIF SEUMPAMA ITU BOLEH MENGGALAKKAN PARA PENIAGA MENGAMALKAN ETIKA YANG BAIK. -- LAGI.
2145MST 04 02 88

D667

U B853 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA SIKAP BEKERJASAMA ANTARA SATU SAMA LAIN AMAT PENTING DALAM SESUATU PERNIAGAAN.

BELIAU BERKATA, PENIAGA YANG BAIK IALAH PENIAGA YANG SANGGUP +TENGGELOM TIMBUL+ DENGAN SESUATU BARANGAN YANG DINIAGAKANNYA.

BELIAU MENGAMBIL CONTOH PASARAN KERETA PROTON SAGA YANG MENGHADAPI MASALAH PENIAGA MEMBUAT HELAH TIDAK MAHU MENERIMA BEKALAN APABILA PASARANNYA JATUH DAN JUALAN TIDAK LARIS.

PERDANA MENTERI BERKATA, LEBIH DARIPADA 60,000 UNIT KERETA PROTON SAGA TELAH DIJUAL DI NEGARA INI DAN INI MERUPAKAN KIRA-KIRA 85 PERATUS PASARAN BAGI KERETA-KERETA 1600 CC KE BAWAH.

BELIAU MENGANGGAP PERATUSAN YANG DIKUASAI OLEH PROTON SAGA AMAT MEMUASKAN DAN MENAMBAH KATA KERETA ITU BUKAN SAHAJA DIBELI OLEH MEREKA YANG BERPENDAPATAN SEDERHANA BAHKAN YANG BERPENDAPATAN TINGGI. -- LAGI.

2210MST 04 02 88

D668

U B854 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PROTON KERANA KEJAYAANNYA MENGELUARKAN KERETA BERMUTU DAN EON KERANA STRATEGI PEMASARANNYA YANG BERKESAN.

KATA BELIAU, JIKA PROTON SAGA MENCAPAI KEJAYAAN DI PASARAN LUAR IA BOLEH DIANGGAP SEBAGAI KEJAYAAN SEBENAR. -- BERNAMA.

2211MST 04 02 88